

27 DEC 1999

Umno-Terengganu

UMNO TERENGGANU SAMBUT BAIK PELANTIKAN ABDULLAH

KUALA TERENGGANU, 27 Dis (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Terengganu hari ini menyokong penuh pelantikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri bagi menggantikan Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri Abdul Rahim Datuk Mohd Said berkata, pelantikan itu diharap dapat membantu menyusun semula kepimpinan Umno negeri bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, sekiranya Barisan Nasional (BN) ingin menawan semula Terengganu, segala usaha termasuk menyusun semula jentera parti perlu dimulakan dari sekarang.

"Pemuda sokong penuh atas tanggungjawab yang diberikan kepada Pak Lah... pelantikan itu mungkin dapat redakan keadaan kerana semua orang akan menghormati keputusan yang dibuat oleh beliau," katanya.

Media hari ini melaporkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan bahawa Majlis Tertinggi (MT) Umno pada mesyuarat yang diadakan baru-baru ini memutuskan melantik beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu.

Abdullah, Naib Presiden Umno dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang akan menggantikan Wan Mokhtar Ahmad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu.

Wan Mokhtar yang tewas pada pilihan raya umum 29 Nov lepas, memegang jawatan ketua perhubungan Umno negeri dan sebagai Menteri Besar Terengganu selama 25 tahun.

Pada pilihan raya umum ke-10 itu, BN hanya memenangi empat daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu yang ditandingi, iaitu Kemasik, Ajil, Telemung dan Seberang Takir dan tewas kesemua lapan kerusi Parlimen.

Abdul Rahim berkata, Pergerakan Pemuda turut mengucapkan terima kasih kepada Wan Mokhtar atas jasa dan sumbangan beliau kepada Umno negeri dan pembangunan Terengganu selama ini.

Sementara itu, Setiausaha perhubungan Umno negeri Datuk Tengku Mahmud Mansor berkata, pelantikan Abdullah merupakan pilihan yang tepat kerana kepimpinan Abdullah yang berpengalaman akan dapat membantu Terengganu menawan semula negeri itu daripada PAS.

Beliau berkata, Umno negeri memerlukan suntikan baru semangat dan yakin Abdullah akan dapat menyusun semula Umno negeri itu termasuk menyatukan golongan lama dan baru dengan melantik mereka yang berpengalaman dan berkewibawaan.

Tengku Mahmud berkata, keputusan MT melantik Abdullah secara automatik menyebabkan kedudukan Wan Mokhtar sebagai pengerusi gugur dan jawatankuasa perhubungan negeri yang ada bubar sehingga penyusunan baru dibuat oleh pengerusi yang baru dilantik itu.

"Ini adalah perkara biasa kerana bagi negeri-negeri yang kalah, MT akan turun pegang jawatan penting di negeri-negeri berkenaan seperti di Sabah dan Kelantan yang sebelum ini pernah dipegang oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Ketika ditanya mengenai Wan Mokhtar, beliau berkata sebagai orang yang berpengalaman dan lama, bekas Menteri Besar itu boleh memberi sokongan dari luar.

Tengku Mahmud yakin Wan Mokhtar tentu boleh menerima hakikat bahawa jentera parti yang lama tidak lagi boleh bergerak dan memerlukan suntikan

baru semangat.

Beliau berkata semua pemimpin dan ahli Umno di negeri ini kini menunggu arahan selanjutnya dari Abdullah termasuk tarikh untuk memanggil mesyuarat.

-- BERNAMA

SN PR